

Kesedaran masyarakat Islam sudah meningkat

Kuala Lumpur: Masyarakat Islam kini dilihat tidak mudah dimanipulasi pembangkang dengan maklumat tidak tepat kerana segala kemudahan untuk mengakses boleh didapati tanpa bantuan orang tengah.

Pakar sosial, Prof Dr Mohd Shatar Sabran (**gambar**), berkata dahulu mereka keliru kerana tidak mendapat gambaran dan

fakta sebenar memandangkan saluran hanya diperoleh menerusi akhbar pro kerajaan dan pembangkang.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata bagaimanapun kebanyakan daripada mereka hanya disogok dengan akhbar pembangkang saja.

Akses maklumat

“Hari ini seluruh masyarakat dengan latar belakang berbeza boleh mengakses dengan mudah bagi memperoleh maklumat sebenar dan mengetahui apa yang kerajaan sedang lakukan secara terus menerus melalui internet dan agensi yang sah tanpa bersekolong.”

“Kerajaan sekarang bukan kerajaan sekular dan menentang Islam seperti yang diwarwarkan sebelum ini. Sekarang orang sudah

mula buka minda dan yang benar tetap benar, salah tetap salah,” katanya, semalam.

BH semalam melaporkan sekumpulan guru sekolah pondok meminta umat Islam menolak pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kerana merosakkan akidah dan agama.

UMNO dan BN meletakkan Islam sebagai agama rasmi, sekali gus meletakkan Melayu pada tingkat teratas.

